

Bab 2

BAB KEDUA

SURAH AL-TAWBAH DAN GOLONGAN MUNAFIK

2.1 MUKADIMAH

Dalam bab yang kedua ini, perbincangan terhadap surah *al-Tawbah* akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu;

- 1) Perbincangan terhadap surah secara menyeluruh. Ini menyentuh penamaan surah dan latar belakangnya, sejarah, serta *munāsabahnya*.¹
- 2) Perbincangan secara khusus menyentuh kepada persoalan munafik melalui ayat-ayat yang berkaitan dengannya dalam surah *al-Tawbah*.

Surah *al-Tawbah* ini adalah merupakan antara surah-surah yang terakhir diturunkan kepada Rasulullah (ﷺ) iaitu

¹Hubungan dengan surah sebelumnya.

selepas surah *al-Mā'ida* dalam tahun 9 Hijrah.² Ia diturunkan dalam tiga peringkat:³

Peringkat pertama : Dalam bulan Rejab tahun 9 Hijrah sebelum berlakunya peperangan *Tabūk*.

Peringkat Kedua : Semasa Rasulullah (ﷺ) dan umat Islam sedang membuat persediaan untuk menghadapi peperangan *Tabūk*.

Peringkat ketiga : Selepas kembali Rasulullah (ﷺ) dan umat Islam dari peperangan *Tabūk* iaitu pada akhir tahun 9 Hijrah sebelum musim Haji.

Pada tahun tersebut, *Abu Bakr* (رضي الله عنه) telah diutuskan oleh Rasulullah (ﷺ) sebagai ketua rombongan Haji, manakala Sayyidina 'Ali (رضي الله عنه) yang turut serta dalam rombongan tersebut

²Wahbah al-Zuhayli,(1981M), *al-Tafsīr al-Munīr*, Dar al-Fikr, Jil. 9 & 10, hal. 93.Selepas ini disebut al-Zuhayli sahaja.

³Sayyid Qutb, (1982M) *Fī Zilāl Al-Qurān*, Dār Syurūq, cet. 10, jil. 3, hal. 1564.

ditugaskan sebagai penyampai hukum-hakam yang terkandung dalam surah *al-Tawbah* kepada khalayak umum khususnya kepada golongan munafik.⁴

Surah ini adalah antara surah-surah yang terakhir yang diturunkan⁵ kepada Baginda (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) ⁶ seperitimana yang diriwayatkan dalam hadith al-Bukhāri,

آخِرُ سُورَةٍ نَزَّلْتُ بِرَأْءَةٍ

*Maksudnya : "Surah yang terakhir diturunkan ialah al-Barā'ah."*⁷

Ia adalah merupakan satu-satunya surah yang tidak dimulakan dengan bacaan *Basmalah* (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ)⁸ pada awalnya. Dalam *mushaf 'Uthmāni* dan catatan para sahabat (صَدَقَةُ الْمُؤْمِنِينَ) dan *tābi'īn*, adalah jelas bahawa *Basmalah* tidak ditulis di permulaan surah ini. Tidak ditemui keadaan yang bertentangan

⁴ Muhammad 'Ali al-Šabūnī,(1982M), *Safwah al-Tafsīr*, Beirut : Dār Al-Quran, , cet. 5, jil. 1 hal. 518.

⁵ Al-Zuhayli, *op.cit*, hal.93.

⁶ Imām al-Jalil al-Hāfiẓ Imād al-Dīn Abī Fidā' Isma'il Ibnu Kathīr al-Qurāṣyī al-Dimāṣqī,(1401H) *Tafsīr Ibnu Kathīr*, Dār al-İhya' al-Kutub al-'Arabiyyah, jil.2, m.s. 33. Selepas ini disebut Ibnu Kathīr sahaja.

⁷ Badr al-Dīn Abī Muhammād Māhmūd al-Aynī,(t,t), 'Umdah al-Qari syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhāri, Beirut : Dār al-Fikr, jil. 9, hal. 259. Selepas ini disebut Badr al-Dīn al-Aynī sahaja.

⁸ Yang dimaksudkan dengan *Basmalah* ialah (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ)

dengannya kecuali satu iaitu apa yang ditemui dalam mushaf *Abdullah Ibn Mas'ud* yang mana surah *al-Tawbah* dimulai dengan *Basmalah*.⁹

Para Ulama berbeza-beza pendapat tentang hal ini. Diriwayatkan dari *al-Mubarrid* dan lain-lainnya : "Menjadi tabiat orang Arab apabila mereka mematerai sesuatu perjanjian atau piagam kemudian mereka membatalkannya, mereka akan mengutuskan sepucuk surat yang tidak dimulai dengan *Basmalah*".¹⁰

Semasa turunnya surah *al-Tawbah* yang mana menjadi titik pembatalan janji antara Rasulullah (صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيْهِ وَسَلَّمَ) dan para musyrikin, Rasulullah (صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيْهِ وَسَلَّمَ) telah mengutuskan Sayyidina 'Ali (عَلٰيْهِ السَّلَامُ) untuk membacakan surah tersebut tanpa memulakannya dengan *Basmalah* berbeza dengan kebiasaan orang Arab sebagai mesej pembatalan perjanjian dengan kaum musyrikin.¹¹ Ini berlaku pada tahun 9 hijrah iaitu ketika orang ramai sedang berkumpul di *Mina* pada tahun berlakunya *Haji Akbar*.¹²

⁹Abdul Malik Bin Abdul Karim Amrullah Hamka, (1984M), *Tafsir al-Azhar*, Singapura : Pustaka Nasional, juz 10, hal. 2836. Selepas ini disebut Hamka sahaja.

¹⁰ Abi al-Tayyib Siddiq bin Hasan Bin 'Ali al-Husayn al-Qinūji, (1412H) *Fath al-Bayān Fi Maqāṣid Al-Qurān*, Beirut : Al-Maktabah al-'Asriyyah, , juz 5, hal 227. Selepas ini disebut al-Qinūji sahaja.

¹¹Hamka, *op.cit*, hal. 2836.

¹²Hari yang kesepuluh Zulhijjah iaitu selepas Wuquf di padang Arafah. Ia juga dinamakan *yaum al-Nahar* (نَهَارٌ يَوْمٌ) bererti hari penyembelihan Qurban.

Pendapat yang dikemukakan oleh para Ulama ialah tentang pertikaian para sahabat (رضي الله عنهم) ketika mana Sayyidina 'Uthmān bin 'Affān (رضي الله عنه) mahu menulis dan menyeragamkan mushaf Al-Quran. Setengah dari mereka berpendapat bahawa surah *al-Anfāl* dan *al-Tawbah* adalah satu. Manakala yang lain pula berpendapat kedua-duanya adalah dua surah yang berasingan. Dengan sebab itu dibiarkan sahaja kedua-duanya berasingan tanpa menulis *Basmalah* sebagai jalan tengah terhadap kedua-dua pendapat.¹³

Ibn 'Abbās meriwayatkan dari Sayyidina 'Uthmān bin 'Affān (رضي الله عنه) yang berbunyi,

وَكَانَتِ الْأَنْفَالُ مِنْ أُوائلِ مَا أُنْزِلَتْ بِالْمَدِينَةِ وَكَانَتْ بِرَاءَةً مِنْ
آخِرِ الْقُرْآنِ وَكَانَتْ قَصْبَهَا شَيْهَةً بِقَصْبِهَا فَظَنَّتْ أَنَّهَا مِنْهَا
فَقَبَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَمْ يُبَيِّنْ لَنَا أَنَّهَا
مِنْهَا فَمِنْ أَجْلِ ذَلِكَ قَرَأْتُ بَيْنَهُمَا وَلَمْ أَكْتُبْ بَيْنَهُمَا سَطْرٍ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ فَوَضَعْتُهَا فِي السَّبْعِ الطُّوَالِ

Maksudnya : "Surah *al-Anfāl* adalah antara surah yang awal diturunkan di Madinah sedangkan surah *al-Tawbah* adalah antara yang akhir diturunkan. Keduanya mempunyai persamaan peristiwa sehingga daku beranggapan *al-Tawbah* sebahagian dari *al-Anfāl*. Kemudian, Rasulullah (صلوات الله عليه وسلم) telah wafat tanpa

¹³Al-Qinūji, *op.cit*, hal 227.

sempat menerangkan keadaan yang sebenarnya. Dengan itu, Daku hubungkan antara keduanya tanpa menulis Basmalah dan Daku golongkannya dalam al-Sab' al- Tiwāl".¹⁴

Abu Su'ūd menjelaskan : "Dengan dikenali surah ini dengan pelbagai nama (iaitu 13 nama) memberi kesimpulan bahawa surah *al-Tawbah* adalah surah yang berasingan dan bukan sebahagian dari *al-Anfāl*".¹⁵

Al-Imam Fakh al-Rāzī¹⁶ merumuskan lima pendapat tentang ketiadaan *Basmalah* pada awal surah ini.

Pendapat 1.

Berdasarkan kepada hadith yang diriwayat oleh Ibn 'Abbās yang lalu dari Sayyidina 'Uthmān bin 'Affān (عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ) bahawa Rasulullah ﷺ telah wafat tanpa sempat menerangkan kedudukan sebenar surah *al-Tawbah*.

¹⁴Imām Abi Bakr Ibn al-'Arabi al-Maliki, (1353H), *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhi bi syarh Ibn 'Arabi al-Mālikī* : Maṭba'ah al-Šāwi , jil. 11, hal.224.

¹⁵Ibid.

¹⁶Fakhr al-Dīn Muhammad bin 'Umar al-Rāzī, (1357H), *al-Tafsīr al-Kabīr*, Qāhirah : Maṭba'ah al-Bahiyyah al-Miṣriyyah, juz 15, hal. 215.

Pendapat 2

Berdasarkan apa yang diriwayatkan dari *Ubay bin Ka'b* bahawa beliau berkata : “ mereka berselisih pendapat kerana di dalam *al-Anfāl* disebutkan tentang perjanjian yang dimaterai sedangkan di dalam *al-Tawbah* disebut pembatalan janji. Jadi, daku letakkan bersebelahan antara keduanya (lantaran kesesuaian isi kandungan di antara dua surah tersebut).”

Pendapat 3

Berdasarkan perbezaan pandangan di antara para sahabat (رضي الله عنهما) sama ada surah *al-Anfāl* dan *al-Tawbah* satu surah atau pun dua surah yang berasingan. Sebahagiannya berpendapat kedua-duanya adalah satu surah kerana ia diturunkan mengenai peperangan dan jihad. Kedua-dua surah tersebut tergolong dari surah-surah *tiwāl* yang berjumlah tujuh surah. Pendapat ini jelas kerana ayat kedua-duanya berjumlah 206 ayat.

Pendapat yang lain mengatakan bahawa kedua-duanya adalah surah yang berasingan. Ini kerana setelah berlaku perselisihan antara sahabat (رضي الله عنهما), mereka telah meninggalkan ruang (tanpa *Basmalah*) sebagai mengambil kira pendapat yang mengatakan kedua-duanya berasingan. Begitu juga, mereka tidak

menulis *Basmalah* sebagai mengambil kira pendapat yang mengatakan kedua-dua surah adalah satu.

Pendapat 4

Ibn ‘Abbās berkata, daku telah bertanya Sayyidina ‘Ali (عليه السلام ورضي الله عنه) mengapa *Basmalah* tidak ditulis antara kedua-duanya? Sayyidina ‘Ali (عليه السلام ورضي الله عنه) menjawab: “*Basmalah* bererti aman sedangkan surah *al-Tawbah* diturunkan berkenaan dengan pedang (peperangan) dan pembatalan janji. Dengan itu, ia tidak ditulis”.

Pendapat 5

Sebahagian Ulama berpendapat, semasa Allah (عز وجل) menurunkan surah *al-Tawbah* dalam keadaan Allah (عز وجل) mengetahui bahawa manusia akan berselisih pendapat tentang *Basmalah* sama ada ia satu ayat dari Al-Quran atau sebaliknya. Lalu, Allah (عز وجل) memerintahkan supaya *Basmalah* tidak ditulis di sini sebagai suatu kenyataan bahawa *Basmalah* adalah merupa satu ayat pada setiap awal surah.

Oleh kerana *Basmalah* bukan satu ayat dari surah *al-Tawbah*, ianya tidak ditulis. Ini menunjukkan bahawa *Basmalah* yang ditulis pada setiap awal surah adalah merupakan ayat dari setiap surah.

Walaupun begitu, Imam Al-Suyūti mempunyai pendapat yang berbeza iaitu beliau mengatakan bahawa *Basmalah* tidak ditulis kerana Rasulullah ﷺ tidak pernah memerintahkan para sahabat (رضي الله عنهم) berbuat demikian.¹⁷ Al-Qinūji menambah lagi bahawa pendapat yang paling benar ialah *Basmalah* tidak ditulis kerana semasa *Jibrīl* (جبريل) diperintahkan untuk menurunkan surah ini, ia tidak diturunkan bersama-sama dengan *Basmalah*.¹⁸

2.2 PENAMAAN SURAH

Surah ini mempunyai pelbagai nama. Kesemua nama surah *al-Tawbah* yang ditemui dalam kitab-kitab tafsir ulung adalah berjumlah 13 nama semuanya. Namun, 2 nama yang paling dikenali ialah *al-Tawbah* dan *al-*

¹⁷Al-Qinūji, *op.cit*, hal 225.

¹⁸*Ibid*, hal 228.

Barā'ah. Penamaan yang pelbagai ini sudah pasti mempunyai hubungan dengan ayat dalam sesuatu surah *al-Tawbah*.

1. Surah ini dinamakan *al-Tawbah* “*الْتَّوْبَةُ*” bermakna taubat iaitu memohon

keampunan daripada segala dosa. Ia dinamakan demikian kerana terdapat terdapat ayat yang menunjukkan penerimaan taubat daripada orang mukmin.¹⁹ Pada masa yang sama terdapat 17 patah perkataan yang menjadi *isytiqaq*²⁰ daripada perkataan *tāba* (‘*تَابَ*’).²¹ Kisah utama yang dipaparkan

dalam surah ini ialah kisah permohonan taubat daripada 3 orang mukmin yang tertinggal daripada menyertai rombongan tentera Islam ke peperangan *Tabük* yang menyebabkan mereka dimurkai Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ).

Tindakan mereka ini adalah amat buruk. Ini kerana orang yang tidak menyertai peperangan *Tabük* adalah terdiri dari golongan munafik sahaja sedangkan mereka bertiga adalah dari kalangan orang mukmin sejati. Taubat mereka akhirnya diterima Allah (عَزَّ ذَلِكَ).²² Kisah mereka ini akan dibentang dalam perbincangan yang khusus selepas ini.

¹⁹*Ibid*, hal 225.

²⁰Pecahan perkataan dari kata dasar. Pecahan perkataan tersebut terdapat dalam ayat 3, 5, 11, 15, 27, 74, 117, 102, 104 (2 kali ulangan), 106, 112, 117 (2 kali ulangan), 118 (3 kali ulangan), 126 yang berjumlah 17 kali.

²¹Perkataan tersebut ialah تَوَبَ ، تَوَبَّ . Sesetengah perkataan-perkataan ini diulang-ulang beberapa kali.

²²*al-Tawbah* 9 : 117.

2. Dinamakan *al-Barā'ah* “ الْبَرَاءَةُ ” bererti berlepas diri iaitu tidak mahu lagi

terikat dengan sebarang janji yang pernah dibuat. Ia dinamakan demikian kerana pada permulaan surah lagi, Allah (ﷺ و ﷼) telah memulakan surah ini dengan perkataan *al-Barā'ah* yang bermaksud pelepasan diri daripada segala perjanjian yang telah dimaterai antara orang Islam dan orang kafir musyrikin. Ini kerana pokok perbincangan banyak berkisar dalam hal pemansuhan perjanjian damai tersebut.

Firman Allah (ﷺ و ﷼).

بِرَأْءَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ

Maksudnya : “(Ini adalah) pemutusan tanggungjawab (pembatalan perjanjian) dari Allah (ﷺ و ﷼) dan Rasulullah-Nya (ﷺ و سَلَّمَ) terhadap kaum kafir musyrik yang kamu mengikat perjanjian setia (dengan mereka)”.²³

²³ *al-Tawbah* 9 : 1.

3. Dinamakan *al-Muqasyqisyah* “المُقْسِيَّةَ ” bererti melepaskan diri daripada segala pengaruh fahaman buruk yang terdapat di kalangan golongan munafik dan sifat nifak.²⁴
4. Dinamakan *al-Muba'thirah* “المُبَعِّثَةَ ” bererti pembongkaran terhadap niat curang dan segala rahsia golongan munafik.²⁵
5. Dinamakan *al-Musyridah* “المُشَرِّدَةَ ” bererti pemulauan terhadap golongan munafik.
6. Dinamakan *al-Fādīhah* “النَّافِضَحَةَ ” bererti pembuka rahsia dan memalukan golongan munafik²⁶. Ini berdasarkan riwayat berikut,

²⁴ Al-Qinuji, *op.cit*, hal 225.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*

عَنْ سَعِيدِ بْنِ جَبَّابٍ قَالَ قُلْتُ لَابْنِ عَبَّاسٍ سُورَةُ التَّوْبَةِ قَالَ
الْتَّوْبَةُ هِيَ الْفَاضِحَةُ

*Maksudnya : Dari Sa'īd bin Jubayr yang berkata : "Daku telah bertanya kepada Ibn 'Abbās mengenai surah al-Tawbah". Beliau menjawab : "al-Tawbah adalah pembongkar rahsia yang memalukan".*²⁷

7. Dinamakan *al-Muthirah* "المُثِيرَةُ" bererti menimbulkan segala bentuk

kejahatan dan niat buruk orang munafik²⁸.

8. Dinamakan *al-Hāfirah* "الْحَافِرَةُ" bererti menggali segala isi hati orang

munafik²⁹.

9. Dinamakan *al-Munkilah* "الْمُنكَلَةُ" bererti balasan yang mengerikan.³⁰

²⁷ Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar al-'Asqalāni, (1414H), *Fath al-Bāri syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut : Dār al-Fikr, jil. 9, hal. 217. Selepas ini disebut Ibn Hajar al-'Asqalāni sahaja.

²⁸ Al-Qinūji, *op.cit*, hal 225.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.*

10. Dinamakan *al-Mudamdimah* "المدمدة" bererti kemurkaan yang membinasakan dan memusnahkan.³¹
11. Dinamakan *al-'Adhab* "العذاب" bererti azab siksa yang akan menimpa orang yang dimurkai Allah (عَزَّوَجَلَّ).
12. Dinamakan *al-Mukhziyah* "المخزية" bererti penghinaan terhadap orang munafik.
13. Dinamakan *al-Bahūth* "الباحث" bererti mencari rahsia dan kejahanatan para munafik.³²

³¹*Ibid.*

³²*Ibid.*

A511033982

*Al-Khafāji*³³ berkata "Kesemua nama-nama diatas adalah didatangkan dengan *Sīghah al-Fā'iil*³⁴ (صيغة الفاعل) melainkan *al-Bahūth*(البحوث)³⁵ yang menggunakan *Sīghah al-Mubālaghah*.³⁶

Melihat kepada nama-nama di atas, kesemuanya mensasarkan kepada golongan munafik dan keburukan mereka.

³³ Al-Qinūji, *op.cit*, hal 225.,

³⁴ Pembuat.

³⁵ Huruf ba' berbaris di atas.

³⁶ Melampau.

2.3 BILANGAN AYAT

Para Ulama berselisih pendapat tentang bilangan ayat dalam surah *al-Tawbah*. Golongan Ulama Kufah³⁷ berpendapat jumlahnya ialah 129 ayat, sementara jumhur³⁸ Ulama serta Ulama Madinah, *Syam* dan *Makkah* pula berpendapat jumlahnya ialah sebanyak 130 ayat.

Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh *waqaf*³⁹ dan *wasal*⁴⁰ dalam ayat-ayat yang dibaca oleh Baginda (صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيْهِ وَسَلَّمَ) kepada para sahabat (رضيَ اللّٰهُ عَنْهُمْ).⁴¹

Para Ulama bersetuju bahawa ia tergolong dalam golongan surah *Madaniyyah* kecuali ayat berikut,

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَنْ يَسْتَغْفِرُوا لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا
أُولَئِي قُرْبَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ أَصْحَابُ الْجَحِيمِ

³⁷ Al-Sayyid Rasyid Ridā, (1368H) *Tafsīr al-Manār*, Qāhirah : Dār al-Manār, juz 10, hal. 174.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Tempat Baginda berhenti setelah membaca sesuatu ayat.

⁴⁰ Tempat Baginda menyambung terus sesuatu ayat.

⁴¹ Badr al-Din al-Ayni, *op.cit*, hal 253.

Maksudnya : "Tidaklah dibenarkan bagi Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) dan orang-orang yang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu adalah ahli neraka".⁴²

Hal ini kerana terdapat riwayat yang menerangkan bahawa ayat ini diturunkan kerana menegah Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) dari meminta ampun bagi pihak bapa saudara Baginda, Abu Talib yang meninggal dalam keadaan kufur.

Bagi ulama yang berpendapat bahawa ayat ini *Madaniyyah*, mereka berhujah bahawa harus turun sesuatu ayat terkemudian daripada peristiwa yang berlaku sebagaimana harus turun satu ayat yang sama sebanyak dua kali. Ini antara lain bertujuan sebagai pengukuhan, peringatan dan pengajaran.⁴³

Ibn Faras pula mengecualikan dua ayat yang terakhir (ayat 128 & 129) dengan mengatakan kedua-dua ayat tersebut adalah *Makkiiyah*. Walaubagaimana pun, ia ditolak oleh Imam Al-Suyūṭī kerana terdapat riwayat yang menunjukkan bahawa surah ini adalah yang terakhir diturunkan.⁴⁴

⁴² *al-Tawbah* 9 : 113.

⁴³ Jalal al-Dīn al-Suyūṭī, (1407H) *al-Itqān Fi 'Ulūm Al-Quran*, Dimasyq : Dar Ibn Kathir, hal. 113.

⁴⁴ *Ibid*, hal. 44.

Jumlah perkatan yang terdapat dalam surah *al-Tawbah* ialah 2497 perkataan. Sementara hurufnya berjumlah 10,887 huruf.⁴⁵

Surah ini tidak dapat dikategorikan secara tepat sama ada tergolong dalam *al-Mi'ūn* (الميون) atau pun *al-Sab' al-Tiwāl* (السبع الطوال). Para Ulama berselisih pendapat tentang hal ini. Ini disebabkan surah ini tidak dimulakan dengan *Basmalah*. Dengan itu, para Ulama sukar untuk memutuskan sama ada surah *al-Tawbah* merupakan sambungan dari surah sebelumnya iaitu surah *al-Anfāl* atau ia merupakan dua surah yang berasingan.

Sekiranya kedua-duanya dikira satu surah maka, ia termasuk di dalam golongan surah *al-Sab' al-Tiwāl* (السبع الطوال).

⁴⁵ *Ibid*, hal. 89.

2.4 MUNĀSABAH

Hubungan antara surah *al-Tawbah* dengan surah sebelumnya⁴⁶ adalah jelas dan amat rapat. Ia seolah-olah sebagai penutup kepada surah *al-Anfāl* dalam kebanyakan hal yang berkaitan usuludin, *tasyri'i*, hukum-hakam peperangan, hukum-hakam perjanjian, perihal golongan mukmin, kafir dan munafik yang kesemuanya itu dimulakan dalam surah *al-Anfāl* lalu diakhiri di dalam surah *al-Tawbah*.

Al-Sayyid Rasyid Riḍā⁴⁷ telah mengariskan 6 perkara berkenaan *munāsabah* surah *al-Tawbah* dengan surah yang sebelumnya (*al-Anfāl*).

1. Perjanjian-perjanjian telah disebutkan di dalam surah *al-Anfāl*, dijelaskan secara detail di dalam surah *al-Tawbah* terutama yang berkaitan dengan pembatalan janji yang telah dimaterai.
2. Kedua-dua surah tersebut menjelaskan tentang urusan memerangi orang musyrikin dan *ahl al-Kitāb*.

⁴⁶ Surah *al-Anfāl*.

⁴⁷ Al-Sayyid Rasyid Riḍā, *op.cit*, juz 10, hal. 172

3. Dalam surah *al-Anfāl* diterangkan bahawa golongan musyrikin telah menghalang orang Islam datang ke Masjid al-Haram.⁴⁸ Kemudian dalam surah *al-Tawbah* pula diterangkan bahawa orang-orang musyrikin tersebut sama sekali tidak akan memakmurkan masjid-masjid Allah (*لَهُ مَسَاجِدٌ*).⁴⁹

4. Dalam surah *al-Anfāl* dijelaskan berkenaan sifat orang mukmin yang sempurna, kemudian diikuti pula dengan sifat orang kafir lalu, diakhiri dengan hukum melantik pemerintah bagi setiap golongan. Hal yang sama terdapat dalam surah *al-Tawbah*.

5. Dalam surah *al-Anfāl* disebutkan mengenai galakan menafkahkan harta ke jalan Allah (*لِّهِ مَالٌ*). Dalam surah *al-Tawbah* pula dibincangkan tentang perkara yang sama dengan lebih detail lagi. Dalam surah *al-Anfāl* diceritakan tentang pengurusan harta *Ghanīmah* dan dalam surah *al-Tawbah* diterangkan mengenai pengurusan harta sedekah.

⁴⁸ *al-Anfāl* 8 : 34.

⁴⁹ *al-Tawbah* 9 : 17.

6. Dalam surah *al-Anfāl* dijelaskan hal-hal berkaitan munafikin dan mereka yang mempunyai penyakit dalam hatinya dalam satu ayat sahaja, kemudian hal ini diperjelaskan secara detail dalam surah *al-Tawbah* sehingga surah *al-Tawbah* lebih patut diberi nama surah *al-Munāfiqūn* berbanding surah *al-Munāfiqūn*⁵⁰ yang sebenar sekiranya penamaan surah Al-Quran boleh dilakukan secara ijtihad (الرأي).

⁵⁰Surah ke 63 dalam juzuk ke 28.

2.5 AYAT-AYAT BERKENAAN DENGAN MUNAFIK

Dalam bahagian ini, skop perbincangan tertumpu kepada ayat-ayat berkaitan dengan munafik serta sebab-sebab turunnya. Ayat-ayat berkenaan dirangkum dalam beberapa kumpulan serta diberi tajuk untuk memberi gambaran terhadap peristiwa dan perlakuan yang berkaitan dengan munafik.

1. Para Munafik Cuba Mengelakkan Diri Dari Jihad

لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَفَرًا قَاصِدًا لَا تَبْغُوكَ وَلَكِنْ بَعْدَتْ
عَلَيْهِمُ الشُّقُّ وَسَيَحْلُفُونَ بِاللهِ لَوْ أَسْتَطَعْنَا لَخَرَجْنَا مَعَكُمْ
يُهْلِكُونَ أَنفُسَهُمْ وَاللهُ يَعْلَمُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ (42) عَفَا اللهُ عَنْكَ
لَمْ أَذِنْتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَتَعْلَمَ الْكَاذِبُينَ
(43) لَا يَسْتَأْذِنُكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ
يُجَاهِدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ وَاللهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ (44) إِنَّمَا
يَسْتَأْذِنُكَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَارْتَابُتْ قُلُوبُهُمْ
فَهُمْ فِي رَيْبِهِمْ يَرْدَدُونَ (45)

Maksudnya : "Kalau apa yang engkau serukan kepada mereka (wahai Muhammad) sesuatu yang berfaedah yang sudah didapati, dan satu perjalanan yang sederhana (tidak begitu jauh), nescaya mereka (yang munafik itu) akan mengikutmu; tetapi tempat yang hendak dituju itu jauh bagi mereka. Dan mereka akan bersumpah dengan nama Allah (الله وجل جل) dengan berkata: "Kalau kami sanggup, tentulah kami akan pergi bersama kamu". (Dengan sumpah dusta itu) mereka membinasakan diri mereka sendiri, sedang Allah (الله وجل جل) mengetahui bahawa sesungguhnya mereka itu orang-orang yang berdusta (tentang tidak sanggupnya mengikutmu)(42) Allah (الله وجل جل) memaafkanmu (wahai Muhammad), mengapa engkau izinkan mereka (tidak turut berperang) sebelum nyata bagimu orang-orang yang benar dan (sebelum) engkau mengetahui orang-orang yang berdusta?(43) Orang-orang yang beriman kepada Allah (الله وجل جل) dan hari akhirat, tidak akan meminta izin kepadamu untuk (tidak turut) berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka. Dan (ingatlah) Allah (الله وجل جل) Maha Mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa.(44) Sesungguhnya yang akan meminta izin kepadamu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah (الله وجل جل) dan hari akhirat, dan yang hati mereka (sangat) ragu-ragu. Oleh itu mereka sentiasa bingung teragak-agak dalam keraguannya".(45)

Sebab turun ayat 43 (عَفَا اللَّهُ عَنْكَ لِمَاذِنْتَ لَهُمْ)

Al-Tabari meriwayatkan dari 'Amr bin Maymūn al-Azdi yang berkata berkata : Dua perkara yang dilakukan oleh Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) yang mana tiada apa-apa perintah yang diturunkan (agar Baginda (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) berbuat demikian) iaitu,

- 1) Baginda (صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيْهِ وَسَلَّمَ) mengizinkan kepada para munafik untuk tidak menyertai peperangan *Tabuk*.
- 2) Baginda (صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيْهِ وَسَلَّمَ) menerima tebusan dari tawanan perang sewaktu perang *Badr*.⁵¹

Lalu Allah (عَزَّ ذٰلِكَ) menurunkan ayat tersebut.

2.Bukti Pembohongan Dan Bahaya Bersekongkol Dengan Munafik

وَلَوْ أَرَادُوا الْخُرُوجَ لَا عَدُوا لَهُ عُدَّةٌ وَلَكِنْ كَرِهَ اللَّهُ ابْغَاثُهُمْ فَشَبَّطُهُمْ وَقِيلَ اقْعُدُوا مَعَ الْقَاعِدِينَ (46) لَوْ خَرَجُوا فِيْكُمْ مَا زَادُوكُمْ إِلَّا خَيْالًا وَلَا وَضَعُوا حَلَالَكُمْ يَعْوِنُكُمُ الْفِتْنَةُ وَفِيْكُمْ سَمَاعُونَ لَهُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ (47) لَقَدْ ابْتَغُوا الْفِتْنَةَ مِنْ قَبْلٍ وَقَبْلُهُمْ لَكَ الْأَمْرُ حَتَّىٰ جَاءَ الْحَقُّ وَظَهَرَ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ كَارِهُونَ (48)

⁵¹ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, (t.t), *Lubāb al-Nuqūl Fi Asbāb al-Nuzūl*, Riyādh : Maktabah al-Riyādh al-Hadīthah, hal 117. Lihat juga al-Imam al-Kabir Muhammad bin Jarir al-Ṭabarī, (1396H) *Jāmi' al-Bayān Fi Tafsīr Al-Qurān*, Mesir : al-Maṭba'ah al-Kubra al-Amīriyyah, juz. 9, hal. 100. Selepas ini disebut al-Ṭabarī sahaja.

Maksudnya : "Dan kalaulah mereka mahu keluar (untuk turut berperang), tentulah mereka menyediakan persiapan untuknya; tetapi Allah (هُنَّا) tidak suka pemergian mereka, lalu dilemahkanNya semangat mereka, dan dikatakan (oleh Syaitan): "Tinggalah kamu bersama-sama orang-orang yang tinggal".(46) Kalaulah mereka keluar bersama kamu, tidaklah mereka menambahkan kamu melainkan kerosakan, dan tentulah mereka segera menjalankan hasutan di antara kamu, (dengan tujuan) hendak menimbulkan fitnah (kekacauan) dalam kalangan kamu; sedang di antara kamu ada orang yang suka mendengar hasutan mereka. Dan (ingatlah) Allah (هُنَّا) Maha Mengetahui akan orang-orang yang zalim.(47) Sesungguhnya mereka telah lakukan fitnah semenjak dahulu lagi, dan mereka merancangkan terhadapmu (wahai Muhammad) berbagai tipu daya, sehingga datanglah kebenaran, dan nyatalah (kemenangan) ugama Allah (Islam), sedang mereka tidak suka kepadanya.(48")

3.Mengada-Adakan Keuzuran Agar Dikecualikan Daripada Berjihad

وَمِنْهُمْ مَنْ يَقُولُ أَئْذَنْ لِي وَلَا تَفْتَتِي أَلَا فِي الْفَتْشَةِ سَقَطُوا وَإِنْ جَهَنَّمُ لَمُحِيطَةٌ بِالْكَافِرِينَ(49) إِنْ تُصِبِّكَ حَسَنَةً تَسُؤُهُمْ وَإِنْ تُصِبِّكَ مُصِيَّةً يَقُولُوا قَدْ أَخْذَنَا أَمْرَنَا مِنْ قَبْلٍ وَيَتَوَلَّوْا وَهُمْ فَرَحُونَ(50) قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَسَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلِيتَوْكِلُ الْمُؤْمِنُونَ(51) قُلْ هَلْ تَتَرَبَّصُونَ بِنَا إِلَّا إِحْدَى الْحُسْنَيَّنِ وَتَحْنُّ تَتَرَبَّصُ بِكُمْ أَنْ يُصِيبَكُمُ اللَّهُ بِعَذَابٍ مِنْ عِنْدِهِ أَوْ بِأَيْدِينَا فَتَرَبَّصُوا إِنَّا مَعَكُمْ مُتَرَبَّصُونَ(52)

Maksudnya : "Dan di antara mereka (yang munafik itu) ada yang berkata: "Izinkanlah aku (supaya tidak pergi berperang) dan janganlah engkau menjadikan daku dipengaruhi oleh fitnah ". Ketahuilah, mereka telah pun tercebur ke dalam fitnah (dengan dalihan yang dusta itu). Dan sesungguhnya azab Jahannam meliputi orang-orang yang kafir.(49) Jika engkau (wahai Muhammad) beroleh sesuatu kebaikan, (maka) kebaikan itu menyebabkan mereka sakit hati; dan jika engkau ditimpa sesuatu bencana, mereka berkata: "Sesungguhnya kami telahpun mengambil keputusan (tidak turut berperang) sebelum itu", dan mereka berpaling (meninggalkanmu) sambil mereka bergembira.(50) Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah ﷺ bagi kami. Dia lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah ﷺ jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal".(51) Katakanlah: "(Sebenarnya) tidak ada yang kamu tunggu-tunggu untuk kamu melainkan salah satu dari dua perkara yang sebaik-baiknya (iaitu kemenangan atau mati syahid); dan kami menunggu-nunggu pula untuk kamu bahawa Allah ﷺ akan menimpakan kamu dengan azab dari sisiNya, atau dengan perantaraan tangan kami. Oleh itu tunggulah, sesungguhnya kami juga menunggu bersama-sama kamu".(52)

(وَمِنْهُمْ مَنْ يَقُولُ ائْذْنُ لِي)

Al-Tabarāni meriwayatkan dari Ibnu ‘Abbās yang berkata, ketika Rasulullah ﷺ berhasrat untuk ke medan pertempuran Tabūk, Baginda ﷺ berkata kepada Jad bin Qays :

Wahai Jad, Apa pendapat kamu berkenaan peperangan dengan Bani Asfar? Beliau menjawab, Wahai Rasulullah ﷺ, Aku ini adalah seorang yang amat sukakan wanita. Apabila aku melihat wanita-

wanita *Bani Asfar*, tentu sekali aku akan tergoda. Maka kecualikanlah aku dari peperangan ini. lalu Allah (ﷺ) menurunkan ayat ini.⁵²

Sebab turun ayat 50 (إِنْ تُصِبُّكَ حَسَنَةً تَسْوِهُمْ)

Ibn Abi Hātim meriwayatkan dari Jābir bin Abdullah (رضي الله عنه), beliau berkata, para munafik di Madinah yang telah mengelakkan diri (dari menyertai peperangan *Tabūk*) telah membuat perkhabaran buruk terhadap Baginda (ﷺ). Mereka berkata bahawa Muhammad (ﷺ) dan para sahabat-Nya (رضي الله عنه) keluar berjuang tetapi dalam perjalanan mereka telah terbunuh. Kemudian, jelaslah pembohongan mereka dengan kepulangan Rasulullah (ﷺ) dan sahabatnya (رضي الله عنه) dalam keadaan sejahtera. Dengan itu mereka merasa jengkel. Lalu turunlah ayat ini.⁵³

⁵²Jalil al-Din al-Suyūti, (t.t), *op.cit.*, hal 118.

⁵³*Ibid*, hal 118.

4.Kebaikan Para Munafik Yang Sia-Sia

قُلْ أَنفَقُوا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا لَنْ يُتَقْبَلَ مِنْكُمْ إِنَّكُمْ كُثُرٌ قَوْمًا
 فَاسْقِنَ (53) وَمَا مَنَعَهُمْ أَنْ يُتَقْبَلَ مِنْهُمْ نَفَقَانِهِمْ إِلَّا أَنَّهُمْ كَفَرُوا
 بِاللَّهِ وَبِرَسُولِهِ وَلَا يَأْتُونَ الصَّلَاةَ إِلَّا وَهُمْ كُسَالَىٰ وَلَا يُنْفِقُونَ
 إِلَّا وَهُمْ كَارِهُونَ (54) فَلَا تُعْجِبْكَ أُمُّ الْهُمَّٰ وَلَا أُولَادُهُمْ إِنَّمَا
 يُرِيدُ اللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ بِهَا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَتَرْهَقَ أَنفُسُهُمْ وَهُمْ
 كَافِرُونَ (55)

Maksudnya : "Katakanlah: "Dermakanlah harta kamu sama ada dengan sukarela atau kerana terpaksa, tidak sekali-kali akan diterima daripada kamu, (kerana) sesungguhnya kamu adalah orang-orang yang fasik".(53) Dan tidak ada yang menghalangi mereka, untuk diterima derma-derma mereka melainkan kerana mereka kufur kepada Allah (هُنَّ كَافِرٌ) dan Rasul-Nya (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ), dan (kerana) mereka tidak mengerjakan sembahyang melainkan dengan keadaan malas dan mereka pula tidak mendermakan hartanya melainkan dengan perasaan benci.(54) Oleh itu, janganlah engkau tertarik hati kepada harta benda dan anak-anak mereka, (kerana) sesungguhnya Allah (هُنَّ كَافِرٌ) hanya hendak menyeksa mereka dengan harta benda dan anak-anak itu dalam kehidupan dunia, dan hendak menjadikan nyawa mereka tercabut sedang mereka berkeadaan kafir (untuk mendapat azab akhirat pula).(55)"

Sebab turun ayat 53 () قُلْ أَنفِقُوا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا ()

Al-Tabari meriwayatkan dari dari *Ibn 'Abbās* yang berkata bahawa Jad Bin Qays telah berkata : Apabila aku melihat wanita, aku pasti akan tergoda. Jadi, biarlah aku menolong-Mu dengan hartaku. Lalu turunlah ayat ini untuk membongkar alasan *Jad* yang ingin ponteng berjihad di *Tabuk*.⁵⁴

5.Sumpah Bohong Para Munafik

وَيَخْلِفُونَ بِاللَّهِ إِنَّهُمْ لَمِنْكُمْ وَمَا هُمْ مِنْكُمْ وَلَكُنْهُمْ قَوْمٌ يَفْرُقُونَ (56) لَوْ يَجِدُونَ مَلْجَأً أَوْ مَغَارَاتٍ أَوْ مُدَخَّلًا لَوَلُوا إِلَيْهِ وَهُمْ يَحْمَحُونَ (57) وَمِنْهُمْ مَنْ يَلْمِزُكَ فِي الصَّدَقَاتِ إِنَّهُمْ أَعْطُوا مِنْهَا رَضْوًا وَإِنْ لَمْ يُعْطُوهُمْ مِنْهَا إِذَا هُمْ يَسْخَطُونَ (58) وَلَوْ أَنَّهُمْ رَضُوا مَا آتَاهُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَقَالُوا حَسِبْنَا اللَّهَ سَيِّئُنَا اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَرَسُولُهُ إِنَّا إِلَى اللَّهِ رَاغِبُونَ (59)

⁵⁴al-Tabari, *op. cit*, juz. 9, hal. 106. Lihat juga al-Suyūti, *op. cit*.

Maksudnya : "Dan mereka (yang munafik itu) bersumpah dengan nama Allah (الله وجل) bahawa sesungguhnya mereka dari golongan kamu, padahal mereka bukanlah dari golongan kamu, tetapi mereka ialah suatu kaum yang pengecut.(56) Kalau mereka dapat tempat perlindungan, atau gua-gua, atau lubang-lubang dalam tanah, nescaya mereka segera menuju ke arahnya serta melompat masuk ke dalamnya.(57) Dan di antara mereka ada yang mencelamu (wahai Muhammad) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat); oleh itu jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (menurut kehendak mereka), mereka suka (dan memandangnya adil); dan jika mereka tidak diberikan dari zakat itu (menurut kehendaknya), (maka) dengan serta merta mereka marah.(58) Dan (amatlah baiknya) kalau mereka berpuas hati dengan apa yang diberikan oleh Allah (الله وجل) dan Rasulullah (رسول الله عليه وآله وسالم) Nya kepada mereka, sambil mereka berkata: "Cukuplah Allah (الله وجل) bagi kami; Allah (الله وجل) akan memberi kepada kami dari limpah kurniaNya, demikian juga Rasulullah (رسول الله عليه وآله وسالم) Nya; sesungguhnya kami sentiasa berharap kepada Allah (الله وجل)" (59)"

Sebab turun ayat 58 (وَمِنْهُمْ مَنْ يَلْمِزُكَ فِي الصَّدَقَاتِ)

Imam al-Bukhārī meriwayatkan dari dari Abu Sa'īd al-Khudri yang berkata: Ketika mana Rasulullah (رسول الله عليه وآله وسالم) sedang membahagi-bahagikan harta rampasan perang (Ghanimah) datang seorang lelaki yang memprotes lalu berkata : " Berlaku adillah wahai Rasulullah (رسول الله عليه وآله وسالم)" , Rasulullah (رسول الله عليه وآله وسالم) menjawab : "Celakalah kamu, siapa lagi yang akan berlaku adil jika aku tidak berlaku adil". Kemudian Umar berkata, "Izinkan aku mengerat lehernya

Ya Rasulullah (صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيْهِ وَسَلَّمَ)”. Jawab Baginda (صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيْهِ وَسَلَّمَ), “Biarkan dia wahai Umar kerana dia mempunyai ramai kawan yang kamu tidak suka, mereka bersembahyang, puasa bersama-sama kamu tetapi mereka tetap terkeluar dari agama ini seperti mana panah terlepas dari busurnya”. Lalu turunlah ayat ini.⁵⁵

Al-Tabari pula meriwayatkan dari *Dawūd bin Abi ‘Āsim* yang berkata: Rasulullah (صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيْهِ وَسَلَّمَ) memperolehi banyak harta rampasan perang. Kemudian Baginda (صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيْهِ وَسَلَّمَ) membahagikan ke sana sini sehingga habis. Seorang lelaki telah melihat keadaan ini lalu berkata : “Keadilan dari jenis apa ini?” Lalu turunlah ayat ini.⁵⁶

Kesemua riwayat yang ada menunjukkan bahawa pengomel-pengomel itu adalah dari golongan munafik.

⁵⁵Ibn Hajar al-‘Asqalāni, *op. cit*, jil. 14, hal. 296.

⁵⁶Al-Tabari, *op. cit*, hal. 108.

6. Para Munafik Menyakiti Hati Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ)

وَمِنْهُمُ الَّذِينَ يُؤْذِنَ النَّبِيٌّ وَيَقُولُونَ هُوَ أَذْنُ قُلْ أَذْنُ خَيْرٍ لَكُمْ
يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَيُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِينَ وَرَحْمَةً لِلَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ
يُؤْذِنُونَ رَسُولَ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ (61)

Maksudnya : "Dan di antara mereka (yang munafik itu) ada orang-orang yang menyakiti Rasulullah ((صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ)) sambil mereka berkata: "Bahawa dia (Rasulullah ((صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ))) orang yang suka mendengar (dan percaya pada apa yang didengarnya)". Katakanlah: "Dia mendengar (dan percaya) apa yang baik bagi kamu, ia beriman kepada Allah (عَزَّ وَجَلَّ) dan percaya kepada orang mukmin, dan ia pula menjadi rahmat bagi orang-orang yang beriman di antara kamu". Dan orang-orang yang menyakiti Rasulullah ((صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ)) itu, bagi mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya.(61)"

7. Pendedahan Muslihat Para Munafik

يَخْلُفُونَ بِاللَّهِ لَكُمْ لَيْرُضُوكُمْ وَاللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَقُّ أَنْ يُرْضُوْهُ
إِنْ كَانُوا مُؤْمِنِينَ (62) إِنَّمَا يَعْلَمُوْا أَنَّهُ مَنْ يُحَادِدُ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
فَأَنَّ لَهُ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدًا فِيهَا ذَلِكَ الْخَزْيُ الْعَظِيمُ (63) يَحْذَرُ
الْمُنَافِقُوْنَ أَنْ تُنَزَّلَ عَلَيْهِمْ سُورَةً تُبَيَّنُهُمْ بِمَا فِي قُلُوبِهِمْ قُلْ
اسْتَهْزِئُوْنَا إِنَّ اللَّهَ مُخْرِجٌ مَا تَحْذَرُوْنَ (64) وَلَكِنْ سَأَلَتْهُمْ لِيَقُولُوْنَ

إِنَّمَا كُنَّا نَخْوَضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِاللَّهِ وَآيَاتِهِ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ
تَسْتَهْزِئُونَ (65) لَا تَعْتَذِرُوا قَدْ كَفَرُتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ إِنْ تَعْفُ
عَنْ طَائِفَةٍ مِّنْكُمْ تُعَذِّبْ طَائِفَةً بِأَنَّهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ (66)

Maksudnya : "Mereka bersumpah kepada kamu dengan nama Allah (اَللّٰهُ وَسَلَّمَ) untuk mendapat keredaan kamu, padahal Allah (صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) dan Rasulullah (صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) Nya jualah yang lebih berhak mereka mendapat keredaanNya, jika betul mereka orang-orang yang beriman.(62) Tidakkah mereka mengetahui bahawa sesiapa yang menentang (perintah-perintah) Alla (اَللّٰهُ وَسَلَّمَ) dan Rasulullah (صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) Nya, maka sesungguhnya adalah baginya neraka Jahannam serta ia kekal di dalamnya? Balasan yang demikian adalah kehinaan yang besar(63) Orang-orang munafik itu takut kalau diturunkan satu surah Al-Quran yang menerangkan kepada mereka (dan kepada ramai) akan apa yang ada dalam hati mereka (dari kekufuran). Katakanlah (wahai Muhammad): "Ejek-ejeklah (seberapa yang kamu suka), sesungguhnya Allah (اَللّٰهُ وَسَلَّمَ) akan mendedahkan apa yang kamu takut (terdedah untuk pengetahuan ramai)"(64) Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: "Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main". Katakanlah: "Patutkah nama Allah (اَللّٰهُ وَسَلَّمَ) dan ayat-ayatNya serta Rasulullah (صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) Nya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?"(65) Janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman. Jika Kami maafkan sepuak dari kamu (kerana mereka bertaubat), maka Kami akan menyeksa puak yang lain, kerana mereka adalah orang-orang yang terus bersalah.(66)"

Sebab turun ayat 62 (يَحْلِفُونَ بِاللَّهِ لَكُمْ لَيْرُضُوكُمْ)

Ibn Mundhir meriwayatkan dari Qatādah yang berkata: Seorang lelaki dari puak munafik yang memberi komentar berkenaan mereka yang ponteng daripada perang Tabūk yang menyebabkan Allah (عَزَّ وَجَلَّ) telah menurunkan ayat kepada mereka. Dia (si munafik) berkata: "Demi Allah (عَزَّ وَجَلَّ), sesungguhnya mereka semua itu adalah orang yang mulia antara kita. Sekiranya apa Muhammad katakan itu adalah benar maka mereka pastilah kita lebih buruk dari keldai." Pada masa itu, ada seorang mukmin yang mendengar lalu berkata : "Demi Allah (عَزَّ وَجَلَّ), apa yang Muhammad (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) katakan itu adalah benar dan kamu sememangnya lebih teruk dari keldai". Lalu beliau pergi berjumpa Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) dan menyampaikan berita tersebut. Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) telah memanggilnya si munafik itu datang. Lalu Baginda (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) bertanya, apa yang menyebabkan dia berkata demikian. Maka si munafik itu bersumpah bahawa dia tidak mengatakan demikian. Kemudian orang mukmin tadi berkata : "Ya Allah

(جَلَّ وَعَزَّ) perlihatkanlah kebenaran orang yang benar dan tunjukkanlah pembohongan orang yang bohong." Lalu turunlah ayat ini.⁵⁷

Sebab turun ayat 65 (ولَئِنْ سَأَلُوكُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخْوَضُ وَنَلْعَبُ)

Qatādah berkata : Ketika Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) berada di *Tabuk* ada sekumpulan manusia di hadapan Baginda (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) dari golongan munafik. Mereka mencemuh sambil berkata : "Kita berangan-angan untuk menawan Rom. Alangkah jauhnya angan-angan ini". Allah (جَلَّ وَعَزَّ) telah memberitahu kepada Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) tentang kata-kata mereka itu. Kemudian Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) bertanya mereka. "Bukankah kamu semua telah berkata begitu dan begini?" Mereka mula merasa takut lalu menjawab, "Ya Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) kami sebenarnya hanya bergurau." Lalu Allah (جَلَّ وَعَزَّ) menurunkan ayat ini.⁵⁸

⁵⁷ *Ibid*, hal. 118.

⁵⁸ Ali bin Ahmad al-Wähidi al-Nisäburi, (1388H), *Ashbâb al-Nuzûl*, Qâhirah : Mu'assasah al-Halabi, hal.169. Selepas ini disebut al-Wähidi sahaja.

8. Pendedahan Sifat-Sifat Munafik

الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُمْ مِنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ
وَيَنْهَاوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيهِمْ نَسُوا اللَّهَ فَتَسِيهُمْ إِنَّ
الْمُنَافِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ (67) وَعَدَ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ
وَالْكُفَّارَ تَارَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا هِيَ حَسَبُهُمْ وَلَعَنْهُمُ اللَّهُ
وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّقِيمٌ (68) كَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ كَانُوا أَشَدَّ مِنْكُمْ
قُوَّةً وَأَكْثَرَ أَمْوَالًا وَأَوْلَادًا فَاسْتَمْتَعُوا بِخَلَاقِهِمْ فَاسْتَمْتَعْتُمْ
بِخَلَاقِكُمْ كَمَا اسْتَمْتَعَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ بِخَلَاقِهِمْ وَخُضْتُمْ
كَالَّذِي خَاضُوا أَوْلَئِكَ حَبَطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ
وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ (69) أَلَمْ يَأْتِهِمْ بَيْنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ قَوْمٌ
ئُوحِيَ وَعَادٌ وَتَمُودٌ وَقَوْمٌ إِبْرَاهِيمَ وَاصْحَابِ مَدْئِنٍ
وَالْمُؤْتَفِكَاتِ أَتَتْهُمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانَ اللَّهُ لِيظْلِمُهُمْ
وَلَكِنْ كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ (70)

Maksudnya : "Orang-orang munafik lelaki dan perempuan, setengahnya adalah sama dengan setengahnya yang lain; mereka masing-masing menyuruh dengan perbuatan yang jahat, dan melarang dari perbuatan yang baik, dan mereka pula menggenggam tangannya (bakhil kedekut). Mereka telah melupakan (tidak menghiraukan perintah) Allah (اَللّٰهُ وَمَنْعِلُهُ) dan Allah (اَللّٰهُ وَمَعَهُ) juga melupakan (tidak menghiraukan) mereka. Sesungguhnya orang-orang munafik itu, merekalah orang-orang yang fasik.(67) Allah (اَللّٰهُ وَمَعَهُ) menjanjikan orang-orang munafik lelaki dan perempuan serta orang-orang kafir dengan neraka Jahannam, mereka kekal di dalamnya. Cukuplah neraka itu menjadi balasan mereka; dan

Allah (هُوَ وَهُوَ) melaknatkan mereka, dan bagi mereka azab seksa yang kekal.(68) (Nasib kamu hai orang-orang munafik) adalah sama dengan nasib orang-orang sebelum kamu (yang telah dibinasakan), mereka lebih kuat serta lebih banyak harta benda dan anak pinak daripada kamu; seterusnya mereka telah bersenang-senang dengan bahagian mereka; maka kamu pula telah bersenang-senang dengan bahagian kamu sebagaimana orang-orang yang sebelum kamu itu bersenang-senang dengan bahagiannya; dan kamu pula telah memperkatakan (perkara yang salah dan dusta) sebagaimana mereka memperkatakannya. Mereka yang demikian, rosak binasalah amal-amalnya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka lahir orang-orang yang rugi.(69) Bukankah telah datang kepada mereka berita orang-orang yang terdahulu daripada mereka, iaitu kaum Nabi Nuh dan 'Aad dan Thamud dan kaum Nabi Ibrahim, dan penduduk negeri Madyan serta negeri-negeri yang telah dibinasakan? (Semuanya) telah datang kepada mereka Rasul-Rasul mereka dengan membawa keterangan yang jelas nyata, (lalu mereka mendustakannya dan Tuhan pula membinasakan mereka); Allah (هُوَ وَهُوَ) tidak sekali-kali menganiaya mereka tetapi mereka lahir yang menganiaya diri sendiri.(70)"

9. Seruan Jihad Menentang Para Munafik Dan Kafir

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدُ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَأَغْلُظْ عَلَيْهِمْ وَمَا وَاهَمْ
جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ(73) يَحْلِفُونَ بِاللَّهِ مَا قَالُوا وَلَقَدْ قَالُوا
كَلِمَةَ الْكُفْرِ وَكَفَرُوا بَعْدَ إِسْلَامِهِمْ وَهُمُوا بِمَا لَمْ يَتَالُوا وَمَا
نَقْمُدُوا إِلَّا أَنْ أَغْنَاهُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ مِنْ فَضْلِهِ فَإِنْ يَتُوبُوا يَكُنْ
خَيْرًا لَهُمْ وَإِنْ يَسْتَوْلُوا يُعَذِّبُهُمُ اللَّهُ عَذَابًا أَلِيمًا فِي الدُّنْيَا
وَالآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ فِي الْأَرْضِ مِنْ وَلِيٌّ وَلَا نَصِيرٌ(74)

Maksudnya : "Wahai Rasulullah (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) , berjihadlah menentang orang-orang kafir dan orang-orang munafik, dan bertindak keras terhadap mereka. Dan (sebenarnya) tempat mereka ialah neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.(73) Mereka bersumpah dengan nama Allah (هُنَّا، هُنَّا)، bawanya mereka tidak mengatakan (sesuatu yang buruk terhadapmu), padahal sesungguhnya mereka telah mengatakan perkataan kufur, dan mereka pula menjadi kafir sesudah melahirkan Islam, serta mereka berazam untuk melakukan apa yang mereka tidak akan dapat mencapainya (iaitu membunuhmu). Dan tidaklah mereka mencaci dan mencela (Islam) melainkan setelah Allah (هُنَّا، هُنَّا) dan Rasulullah (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) Nya memberi kesenangan kepada mereka dari limpah kurniaNya. Oleh itu, jika mereka bertaubat, mereka akan beroleh kebaikan; dan jika mereka berpaling (ingkar), Allah (هُنَّا، هُنَّا) akan menyeksa mereka dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan mereka tidak akan mendapat sesiapa pun di bumi ini, yang akan menjadi pelindung dan juga yang menjadi penolong.(74)"

(يَحْلِفُونَ بِاللَّهِ مَا قَالُوا وَلَقَدْ قَالُوا كَلِمَةُ الْكُفْرِ) Sebab turun ayat 74

Al-Dahhāk berkata : Para munafik telah keluar berperang bersama

Rasulullah (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) ke Tabuk. Apabila ada kesempatan,

mereka akan mencerca Rasulullah (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) dan para

sahabatnya (رضي الله عنه) tanpa pengetahuan Baginda (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ).

Huzayfah (رضي الله عنه) telah memberitahu perkara itu kepada Rasulullah

(صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) , lalu Baginda (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) bersabda : "Wahai

para munafik, apa yang telah kamu cercakan?" Lalu mereka bersumpah-sumpah bahwa mereka tidak pernah mencerca apa-apa. Kemudian turunlah ini sebagai menyatakan pembohongan mereka.⁵⁹

Sebab turun ayat 74 (وَهُمْ وَاللَّهُ مُنَافِكُونَ)

Al-Dahhāk berkata lagi : Mereka terlalu ingin membunuh Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) pada malam yang dinamakan "laylah 'Aqabah". Sekumpulan dari golongan Munafik telah berpaket dalam komplot tersebut. Kata mereka, apabila Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) sampai ke di 'Aqabah (tempat yang sempit dan curam) kita akan menolak Baginda (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) supaya jatuh di lembah itu lalu terbunuh. Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) berjalan bersama-sama 'Ammār bin Yāsir (صَدِيقُ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ) yang berjalan di belakang dan Huzayfah (صَدِيقُ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ) yang menuntun kuda Baginda (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ). Seketika Huzayfah (صَدِيقُ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ) mendengar derap tapak kaki unta lalu dia berpaling dan mendapati terdapat sekumpulan orang yang berselimut penuh (yang hanya menampakkan matanya sahaja). Lalu Huzayfah (صَدِيقُ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ) menjerit, "Wahai musuh Allah (كُفَّارُ اللَّهِ)، berhenti kamu

⁵⁹ *Ibid*, hal. 170.

semua". Rasulullah (صلی اللہ علیہ وسلم) sempat beredar sehingga sampai ke tempat selamat kemudian Allah (هُوَ) menurunkan Ayat tersebut.⁶⁰

10. Para Munafik Melanggar Perjanjian

وَمِنْهُمْ مَنْ عَاهَدَ اللَّهَ لَئِنْ آتَانَا مِنْ فَضْلِهِ لَنَصْدِقُنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنْ الصَّالِحِينَ (75) فَلَمَّا آتَاهُمْ مِنْ فَضْلِهِ بَخْلُوا بِهِ وَتَوَلَّوْا وَهُمْ مُعْرِضُونَ (76) فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِي قُلُوبِهِمْ إِلَى يَوْمٍ يَلْقَوْنَهُ بِمَا أَخْلَفُوا اللَّهَ مَا وَعَدُوهُ وَبِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ (77) أَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ سِرَّهُمْ وَتَجْوِاهُمْ وَأَنَّ اللَّهَ عَلَامُ الْغُيُوبِ (78)

Maksudnya : "Dan di antara mereka ada yang membuat janji dengan Allah (هُوَ) dengan berkata: "Sesungguhnya jika Allah (هُوَ) memberi kepada kami dari limpah kurniaNya, tentulah kami akan bersedekah, dan tentulah kami akan menjadi dari orang-orang yang soleh"(75) Kemudian setelah Allah (هُوَ) memberi kepada mereka dari limpah kurniaNya, mereka bakhil dengan pemberian Allah (هُوَ) itu, serta mereka membelakangkan janjinya; dan sememangnya mereka orang-orang yang sentiasa membelakangkan (kebajikan). (76) Akibatnya Allah (هُوَ) menimbulkan perasaan munafik dalam hati mereka (berkekalan) hingga ke masa mereka menemui Allah (هُوَ), kerana mereka telah memungkiri apa yang mereka janjikan kepada Allah (هُوَ) dan juga kerana mereka sentiasa berdusta.(77) Tidakkah mereka mengetahui bahawa

⁶⁰Ibid.

Allah (الله وَحْدَهُ) sentiasa mengetahui apa yang mereka rahiaskan serta apa yang mereka bisikkan, dan bahawasanya Allah (الله وَحْدَهُ) Maha Mengetahui akan perkara-perkara yang ghaib? (78)"

Sebab turun ayat 75 (وَمِنْهُمْ مَنْ عَاهَدَ اللَّهَ لِئِنْ أَتَانَا مِنْ فَضْلِهِ لِنَصْدِقَنَّ)

Al-Tabari meriwayatkan dalam tafsirnya bahawa Tha'labah bin Hātib⁶¹ berkata kepada Rasulullah (صلی اللہ علیہ وسلم) : "Berdoalah kepada Allah (الله وَحْدَهُ) agar daku diberikan sedikit harta." Jawab Baginda (صلی اللہ علیہ وسلم) : "Berhati-lah wahai Tha'labah. Sedikit yang disyukuri adalah lebih baik dari banyak yang tidak disyukuri." Tha'labah berkata: "Demi Allah (الله وَحْدَهُ) sekiranya aku diberi harta akan aku sedekahkan kepada yang berhak." Setelah desakan itu, Rasulullah (صلی اللہ علیہ وسلم) berdoa dan akhirnya Tha'labah berjaya mendapatkan seekor kambing yang berkembang biak dengan banyak.

⁶¹ Beliau adalah Tha'labah Bin Hātib bin 'Amru al-Ansāri. Rasulullah (صلی اللہ علیہ وسلم) telah mempersaudarakannya dengan Mu'tab bin 'Awf semasa peristiwa hijrah golongan muhajirin ke Madinah. Beliau telah menyertai peperangan Badar. Namun, Ibn Hisyam telah menyatakan bahawa beliau adalah salah seorang yang terlibat dalam mendirikan masjid Dirar. Beliau wafat pada zaman pemerintahan Sayyidina 'Uthmān. Sila lihat Yusuf Bin Abdullah bin Muhammad bin 'Abd al-Barr, (1412H), *al-'Istī'āb*, Beirut : Dār al-jil, jil 1, hal 208.

Oleh kerana itu, dia telah memindahkan kambingnya ke pinggir kota. Pada mulanya dia hanya dapat bersembahyang dengan Rasulullah ﷺ pada sebelah siang sahaja sedangkan pada malamnya dia tidak dapat berbuat demikian. Secara beransur-ansur dia mula meninggalkan sembahyang berjemaah dan Jumaat.

Setelah itu, turunlah ayat ^{٦٢}(سُدْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً) iaitu perintah

membayar zakat. Lalu datanglah dua orang lelaki untuk memungut zakat berserta surat dari Rasulullah ﷺ. *Tha'labah* menjawab: "Pergilah dulu kepada orang lain kemudian datanglah pula kepadaku." Setelah itu mereka datang lagi lalu *Tha'labah* menjawab : "Ini adalah tidak lain dari *Jizyah*." Kemudian kedua-duanya beredar. Lalu Allah ﷺ telah menurunkan ayat di atas.⁶³

Kisah *Tha'labah* ini amat masyhur dalam kitab-kitab tafsir sekalipun ia tidak mencapai martabat *sahīḥ* di sisi para *muhaddithin*.⁶⁴ Namun, apa yang cuba diketengahkan di sini ialah janji bohong *Tha'labah* yang merupakan salah satu daripada sifat-sifat munafik.

⁶² *al-Tawbah* 9 : 103

⁶³ Al-Tabari, *op. cit*, hal. 130.

⁶⁴ Al-Zuhayli, *op. cit*, hal. 318.

11. Serangan Munafik Terhadap Orang Islam

الَّذِينَ يَلْمِزُونَ الْمُطَوَّعِينَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ فِي الصَّدَقَاتِ وَالَّذِينَ لَا يَحْلِدُونَ إِلَّا جُهْدَهُمْ فَيَسْخَرُونَ مِنْهُمْ سَخْرَ اللَّهُ مِنْهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ(79) اسْتَغْفِرُ لَهُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرُ لَهُمْ إِنْ تَسْتَغْفِرُ لَهُمْ سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ(80)

Maksudnya : “Orang-orang (munafik) yang mencela sebahagian dari orang-orang yang beriman mengenai sedekah-sedekah yang mereka berikan dengan sukarela, dan (mencela) orang-orang yang tidak dapat (mengadakan apa-apa untuk disedekahkan) kecuali sedikit sekadar kemampuannya, serta mereka mengejek-ejeknya, - Allah (جل و عل) akan membalas ejek-ejekan mereka, dan bagi mereka (disediakan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.(79) (Orang-orang manufik itu) sama sahaja engkau meminta ampun untuk mereka atau engkau tidak meminta ampun bagi mereka. Jika engkau (wahai Muhammad) meminta ampun bagi mereka tujuh puluh kali (sekalipun) maka Allah (جل و عل) tidak sekali-kali mengampunkan mereka; yang demikian itu, kerana mereka telah kufur kepada Allah (عل) dan Rasulullah (صل الله عليه وسلم) Nya; dan Allah (جل و عل) tidak akan memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang fasik.(80)”

(الَّذِينَ يُلْمِزُونَ الْمُطَهُّرِينَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ) 79

Imam al-Bukhāri meriwayatkan dari Ibn Mas'ūd al-Badri yang berkata : Ketika ayat sedekah diturunkan kami sama-sama memikul barang di atas belakang kami (untuk mengambil upah yang akan disedekahkan selepas itu). Kemudian, datang seorang lelaki yang bernama *Abu 'Uqayl* dengan barang yang banyak dan kemudian bersedekah hanya segantang korma. Ada beberapa lelaki yang mengejek dengan berkata : Allah (بِهِ وَبِعِزْلَتِهِ) tidak perlukan sedekah sebegini. Lalu turunlah ayat di atas.⁶⁵

12. Kegembiraan Para Munafik Yang Terkecuali Dari Jihad

فَرِحَ الْمُخَلَّفُونَ بِمَقْعَدِهِمْ خَلَافَ رَسُولِ اللَّهِ وَكَرِهُوْا أَنْ
يُجَاهِدُوْا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَقَالُوا لَا تَنْفِرُوْا فِي
الْحَرَّ قُلْ نَارٌ جَهَنَّمُ أَشَدُّ حَرًّا لَوْ كَانُوا يَفْقَهُوْنَ
(81) فَلَيَضْسِحُوكُوا قَلِيلًا وَتَبْكُوكُوا كَثِيرًا جَزَاءٌ بِمَا كَانُوا
يَكْسِبُوْنَ (82)

⁶⁵ Muhammad bin Ismā'il al-Bukhāri, (1345H), *Sahīḥ al-Bukhāri*, Mesir : Muṣṭafa al-Bābī al-Halabi, Juz.6, hal. 84. Selepas ini disebut al-Bukhāri sahaja.

Maksudnya : "Orang-orang (munafik) yang ditinggalkan (tidak turut berperang) itu, bersukacita disebabkan mereka tinggal di belakang Rasulullah (رسول الله عليه السلام) (di Madinah); dan mereka (sememangnya) tidak suka berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah (للله ولهم) (dengan sebab kufurnya), dan mereka pula (menghasut dengan) berkata: "Janganlah kamu keluar beramai-ramai (untuk berperang) pada musim panas ini". Katakanlah (wahai Muhammad) : "Api neraka Jahannam lebih panas membakar", kalaulah mereka itu orang-orang yang memahami.(81) Oleh itu bolehlah mereka ketawa sedikit (di dunia ini) dan mereka akan menangis banyak (di akhirat kelak), sebagai balasan bagi apa yang mereka telah usahakan.(82)"

Sebab turun ayat 81 (فَلْ نَارُ جَهَنَّمَ أَشَدُ حَرًّا)

Al-Tabari meriwayatkan dari Ibn ‘Abbās yang berkata : Rasulullah (رسول الله عليه السلام) telah memerintahkan orang ramai supaya keluar berperang bersama Baginda (رسول الله عليه السلام) sedangkan pada masa itu musim panas. Seorang lelaki berkata : Wahai Rasulullah (رسول الله عليه السلام), keadaan kini sangat panas. Kami tidak mampu keluar dalam keadaan begini. Lalu turunlah ayat di atas⁶⁶

⁶⁶ Al-Tabari, *op. cit*, hal. 139.

13. Tegahan Dari Menyembahyangkan Jenazah Para Munafik

فَإِنْ رَجَعَكَ اللَّهُ إِلَى طَائِفَةٍ مِنْهُمْ فَاسْتَأْذِنُوكَ لِلْخُرُوجِ فَقُلْ لَنْ
تَخْرُجُوا مَعِي أَبْدًا وَلَنْ تُقَاتِلُوا مَعِي عَدُوًا إِنَّكُمْ رَضِيْتُمْ بِالْقَعْدَةِ
أُولَئِكَ مَرَّةٌ فَاقْعُدُوا مَعَ الْخَالِفِينَ(83) وَلَا تُصْلِلُ عَلَى أَحَدٍ مِنْهُمْ
مَاتَ أَبْدًا وَلَا تَقْمِلْ عَلَى قَبْرِهِ إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَا تَوَلَّا
وَهُمْ فَاسِقُونَ(84) وَلَا تُعْجِبْنَكَ أَمْوَالُهُمْ وَأَوْلَادُهُمْ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ
أَنْ يُعَذِّبَهُمْ بِهَا فِي الدُّنْيَا وَتَرْهَقَ أَنفُسُهُمْ وَهُمْ كَافِرُونَ(85)

Maksudnya : "Maka jika Allah (هُنْدُلْ وَمَكَّةَ) mengembalikan engkau kepada segolongan dari mereka (orang-orang yang munafik itu di Madinah), kemudian mereka meminta izin kepadamu untuk keluar (turut berperang), maka katakanlah: "Kamu tidak sekali-kali akan keluar bersama-sama selama-lamanya, dan kamu tidak sekali-kali akan memerangi musuh bersama-samaiku; sesungguhnya kamu telah bersetuju tinggal pada kali yang pertama, oleh itu duduklah kamu bersama-sama orang-orang yang tinggal".(83) Dan janganlah engkau sembahyangkan seorang pun yang mati dari orang-orang munafik itu selama-lamanya, dan janganlah engkau berada di (tepi) kuburnya, kerana sesungguhnya mereka telah kufur kepada Allah (هُنْدُلْ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) dan Rasulullah (هُنْدُلْ وَمَكَّةَ) Nya, dan mereka mati sedang mereka dalam keadaan fasik (derhaka).(84) Dan janganlah engkau tertarik hati kepada harta benda dan anak-anak mereka, (kerana) sesungguhnya Allah (هُنْدُلْ وَمَكَّةَ) hanya hendak menyeka mereka dengannya di dunia, dan hendak menjadikan nyawa mereka tercabut sedang mereka dalam keadaan kafir (untuk mendapat azab akhirat pula)."(85)"

Sebab turun ayat 84 (وَلَا تُصْلِّ عَلَى أَحَدٍ مِنْهُمْ)

Ibn 'Umar meriwayatkan ketika wafatnya Abdullah bin Ubay, anaknya telah datang meminta baju di tubuh Rasulullah (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) untuk dipakaikan kepada ayahnya ketika kafan. Rasulullah (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) memberikannya. Kemudian dia meminta lagi supaya Rasulullah (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) menyembahyangkan jenazah ayahnya. Rasulullah (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) menuruti juga. Pada ketika itu Umar menyekat Rasulullah (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) dengan berkata : Ya Rasulullah (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) adakah engkau hendak menyembahyangkannya orang sepertinya?" Jawab Baginda (صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) : "Aku telah diberi pilihan supaya memilih sama ada memohon ampun atau tidak sebanyak sampai 70 kali. Ini merujuk firman Allah (عَزَّ وَجَلَّ) .

اسْتَغْفِرُ لَهُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرُ لَهُمْ إِنْ تَسْتَغْفِرُ لَهُمْ سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ

Maksudnya : “(Orang-orang manufik itu) sama sahaja engkau meminta ampun untuk mereka atau engkau tidak meminta ampun bagi mereka. Jika engkau (wahai Muhammad) meminta ampun bagi mereka tujuh puluh kali (sekalipun) maka Allah (هُنَّا وَجْهٌ) tidak sekali-kali mengampunkan mereka; yang demikian itu, kerana mereka telah kufur kepada Allah (هُنَّا وَجْهٌ) dan Rasul-Nya (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ); dan Allah (هُنَّا وَجْهٌ) tidak akan memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang fasik.”⁶⁷

Sabda Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ): “Aku akan tambah lagi melebihi 70 kali.” Umar berkata lagi : “Tetapi dia munafik, Ya Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ).” Namun Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) tetapi mahu menyembahyangkannya. Lalu turunlah ayat ini. Setelah itu, barulah Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) beredar.⁶⁸

14. Pemimpin-Pemimpin Para Munafik Meminta Pengecualian Dari Jihad

وَإِذَا أُنْزِلَتْ سُورَةً أَنْ آمَنُوا بِاللَّهِ وَجَاهُدُوا مَعَ رَسُولِهِ اسْتَأْذَنُكَ أُولُوا الطُّولِ مِنْهُمْ وَقَالُوا ذَرْنَا نَكْنُ مَعَ الْقَاعِدِينَ (86)
رَضُوا بِأَنْ يَكُونُوا مَعَ الْخَوَافِيفِ وَطَبِعَ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ (87)

⁶⁷ al-Tawbah 9 : 80

⁶⁸ Al-Bukhari, op.cit, hal. 85.

Maksudnya : "Dan apabila diturunkan satu surah Al-Quran (yang menyuruh mereka) : "Berimanlah kamu kepada Allah (هُنَّا وَنَاهُ), dan berjihadlah bersama-sama dengan Rasulullah (صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيْهِ وَسَلَّمَ) Nya", nescaya orang-orang yang kaya di antara mereka meminta izin kepadamu dengan berkata: "Biarkanlah kami tinggal bersama-sama orang-orang yang tinggal (tidak turut berperang)".(86) Mereka suka tinggal bersama-sama orang-orang yang ditinggalkan (kerana uzur), dan (dengan sebab itu) hati mereka dimeteraikan atasnya, sehingga mereka tidak dapat memahami sesuatu.(87)"

15. Nifak Orang-Orang Arab Kampung (Badwi) Yang Juga Meminta Keuzuran Daripada Berjihad

وَجَاءَ الْمُعَذْرُونَ مِنْ الْأَعْرَابِ لِيُؤْذَنَ لَهُمْ وَقَعَدَ الْذِينَ كَذَبُوا
اللّٰهُ وَرَسُولُهُ سَيُصِيبُ الْذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ(90)

Maksudnya : "Dan datangkanlah orang-orang yang berkeuzuran dari kalangan Arab kampung supaya mereka diberi izin. Dan tinggal orang-orang yang mendustakan Allah (هُنَّا وَنَاهُ) dan Rasul-Nya (صَلَّى اللّٰهُ عَلٰيْهِ وَسَلَّمَ) Allah (هُنَّا) akan menimpakan kepada orang yang kafir azab yang amat pedih."

Sebab turun ayat 90

Al-Dahhāk meriwayatkan bahawa orang-orang Arab yang datang itu adalah dari kabilah *Amir bin Tufayl* yang datang meminta izin kepada Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) dengan berkata : “Ya Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ), sekiranya kami pergi berjihad bersama kamu, kami bimbang kabilah *Tayy* akan menyerang kampung kami dan menawan ahli keluarga dan ternakan kami.” Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) menjawab : “Allah (عَزَّ ذِلْكَ) akan mencukupkan tentera-ku tanpa kalian.” *Mujāhid* pula meriwayatkan golongan yang dimaksudkan ialah kabilah *Ghifār* atau *Ghatfān* yang menyatakan keuzuran bohong dan dengan itu Allah (عَزَّ ذِلْكَ) tidak menerima permintaan mereka.

16. Alasan Bohong Para Munafik Yang Menguzurkan Diri Daripada Berjihad

يَعْتَذِرُونَ إِلَيْكُمْ إِذَا رَجَعْتُمْ إِلَيْهِمْ قُلْ لَا تَعْتَذِرُوا لَنْ تُؤْمِنَ لَكُمْ
قَدْ بَيَّنَاهُ اللَّهُ مِنْ أَخْبَارِكُمْ وَسَيَرِي اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ ثُمَّ
تُرَدُّونَ إِلَى عَالَمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُبَيِّنُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

(94) سَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ لَكُمْ إِذَا انْقَلَبْتُمْ إِلَيْهِمْ لِتُعَرِّضُوا عَنْهُمْ
 فَأَعْرِضُوا عَنْهُمْ إِنَّهُمْ رِجْسٌ وَمَا وَاهِمْ جَهَنَّمُ جَزَاءً بِمَا كَانُوا
 يَكْسِبُونَ (95) يَحْلِفُونَ لَكُمْ لِتُرْضِيَ عَنْهُمْ فَإِنْ تَرْضِيَ عَنْهُمْ
 فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَرْضِي عَنِ الْقَوْمِ الْفَاسِقِينَ (96)

Maksudnya : “ Mereka akan menyatakan uzur kepada kamu, apabila kamu kembali kepada mereka (dari medan perang). Katakanlah (wahai Muhammad): "Janganlah kamu menyatakan uzur lagi, kami tidak sekali-kali akan percaya kepada kamu. Kerana sesungguhnya Allah (هُوَ وَمَلَائِكَتُهُ) telah menerangkan kepada kami akan berita-berita perihal kamu; dan Allah (هُوَ وَمَلَائِكَتُهُ) serta Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ)nya akan melihat amal kamu (sama ada kamu kembali beriman atau tetap kufur); kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah (هُوَ وَمَلَائِكَتُهُ) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata (untuk menerima balasan), lalu Ia menyatakan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".(94) Mereka akan bersumpah dengan nama Allah (هُوَ وَمَلَائِكَتُهُ) kepada kamu apabila kamu kembali kepada mereka (dari medan perang), supaya kamu berpaling dari mereka (tidak menempelak mereka); oleh itu berpalinglah dari mereka kerana sesungguhnya mereka itu kotor (disebabkan mereka telah sebatik dengan kufur); dan tempat kembali mereka pula ialah neraka Jahannam, sebagai balasan bagi apa yang mereka telah usahakan.(95) Mereka bersumpah kepada kamu supaya kamu reda akan mereka; oleh itu jika kamu reda akan mereka, maka sesungguhnya Allah (هُوَ وَمَلَائِكَتُهُ) tidak reda akan kaum yang fasik.(96)”

Sebab turun ayat 94 (يَعْتَذِرُونَ إِلَيْكُمْ إِذَا رَجَعْتُمْ إِلَيْهِمْ)

Ibn ‘Abbās meriwayatkan bahawa ayat ini diturunkan berkenaan dengan Jad bin Qays, Mu‘attab bin Qusyayr dan rakan-rakan mereka dari golongan munafik yang berjumlah 80 orang semuanya. Rasulullah ﷺ telah memerintahkan orang-orang mukmin supaya tidak mencampuri dan bercakap dengan mereka setelah pulang ke Madinah. *Qatādah* dan *Muqātil* berkata : Ayat ini diturunkan berkenaan *Abdullah bin Ubay* yang telah bersumpah tidak akan ponteng dari manapun peperangan pun (selepas peperangan *Tabūk*) serta meminta Rasulullah ﷺ memaafkannya kerana tidak pergi ke *Tabūk*.⁶⁹ Namun, dia berbohong dan tidak menunaikan sumpahnya itu.⁶⁹

⁶⁹ Al-Husayn bin Mas‘ūd al-Farā’ al-Baghawi,(1407H), *Ma ‘ālim al-Tanzīl*, Beirut : Dār al-Ma‘rifah, jil.2, hal. 320.

17. Kekufuran Serta Nifak Orang-Orang Arab Kampung (Badwi)

الأَعْرَابُ أَشَدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا وَأَجْحَدُرُ أَلَا يَعْلَمُوا حَدُودَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ (97) وَمِنَ الْأَعْرَابِ مَنْ يَتَّخِذُ مَا يُنْفِقُ مَغْرِمًا وَيَتَرَبَّصُ بِكُمُ الدُّوَائِرَ عَلَيْهِمْ دَائِرَةُ السُّوءِ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ (98)

Maksudnya : "Orang-orang A'raab lebih keras kufurnya dan sikap munafiknya, dan sangatlah patut mereka tidak mengetahui batas-batas (dan hukum-hukum Syarak) yang diturunkan oleh Allah (عَلَى اللَّهِ عَلِيهِ وَسَلَامٌ) kepada Rasulullah (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) Nya. Dan (ingatlah) Allah (عَلَى اللَّهِ عَلِيهِ وَسَلَامٌ) Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.(97) Dan sebahagian dari orang-orang A'rab (yang munafik) itu memandang apa yang mereka belanjakan (dermakan pada jalan Allah (عَلَى اللَّهِ عَلِيهِ وَسَلَامٌ)) sebagai satu bayaran yang memberatkan, sambil menunggu peredaran zaman (yang membawa bala bencana) menimpa kamu; atas mereka kalah (tertimpanya bala bencana yang dibawa oleh) peredaran zaman yang buruk itu. Dan (ingatlah), Allah (عَلَى اللَّهِ عَلِيهِ وَسَلَامٌ) Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.(98)"

(الأَعْرَابُ أَشَدُ كُفْرًا وَنَفَاقًا) Sebab turun ayat 97

Al-Wāhidi berkata : Ayat ini diturunkan kepada kaum Arab kampung (Badwi) dari suku *Asad* dan *Ghatfān* serta beberapa kaum Arab di Madinah.⁷⁰

Ini kerana mereka tinggal di kampung yang jauh ke pedalaman. Sifat mereka keras dan degil berbanding kaum-kaum yang tinggal di bandar.⁷¹ Mereka juga tergolong dalam golongan munafik yang sentiasa memusuhi Rasulullah ﷺ dan Islam.

18. Para Munafik Berada Di Kalangan Orang Mukmin Madinah

وَمِنْ حَوْلَكُمْ مِنْ الْأَعْرَابِ مُنَافِقُونَ وَمِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ مَرَدُوا
عَلَى النَّفَاقِ لَا تَعْلَمُهُمْ نَحْنُ تَعْلَمُهُمْ سَنَعْذِبُهُمْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ
يُرَدُّونَ إِلَى عَذَابٍ عَظِيمٍ(101) وَآخَرُونَ اعْتَرَفُوا بِذُنُوبِهِمْ

⁷⁰ Al-Wahidi, *op. cit.*, hal. 174.

⁷¹ Ibn Kathir, *op. cit.*, jil 1, hal. 50.

خَلَطُوا عَمَلاً صَالِحًا وَآخَرَ سَيِّئًا عَسَى اللَّهُ أَنْ يُتُوبَ عَلَيْهِمْ
إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ (102)

Maksudnya : "Dan di antara orang-orang yang di sekeliling kamu dari orang-orang "A'raab" ada yang bersifat munafik dan (demikian juga) sebahagian dari penduduk Madinah; mereka telah berkeras dengan sifat munafik; engkau tidak mengetahui mereka (bahkan) Kamilah yang mengetahui mereka. Kami akan azabkan mereka berulang-ulang, kemudian mereka dikembalikan kepada azab yang besar.(101) Dan (sebahagian) yang lain mengakui dosa-dosa mereka. Mereka telah mencampur adukkan amal yang baik dengan amal yang lain, yang buruk. Mudah-mudahan Allah (هُوَ الْعَلِيُّ وَالْكَبِيرُ) akan menerima taubat mereka; sesungguhnya Allah (هُوَ الْعَلِيُّ وَالْكَبِيرُ) Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi."(102)"

(وَمِنْ حَوْلَكُمْ مِنَ الْأَعْرَابِ مُنَافِقُونَ)

Al-Baghawi dan al-Wahidi meriwayatkan : Ayat ini diturunkan kepada suku Juhaynah, Muzaynah, Asyja', Aslam, dan Ghifar. Mereka tinggal di sekitar Madinah. Secara khususnya ia ditujukan kepada Abdullah bin

*Ubay, Jad bin Qays, Mu'attib bin Qusyayr, Jullās bin Suwayd dan Abi 'Āmir al-Rāhib.*⁷²

19. Peristiwa Masjid Dirār

وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مَسْجِدًا ضَرَارًا وَكُفُرًا وَتَفْرِيقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ
وَإِرْصَادًا لِمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ مِنْ قَبْلٍ وَلَيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدُنَا
إِلَّا الْحُسْنَى وَاللَّهُ يَشْهُدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ(107)
لَمَسْجِدٌ أَسَّنَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ
رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ(108) أَفَمَنْ
أَسَّسَ بُنْيَاهُ عَلَى تَقْوَىٰ مِنَ اللَّهِ وَرَضُوا نِعْمَةً مِنْ أَسَّنَ
بُنْيَاهُ عَلَى شَفَا جُرْفٍ هَارِ فَانْهَارَ بِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ وَاللَّهُ لَا
يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ(109) لَا يَزَالُ بُنْيَاهُمُ الَّذِي بَنُوا رِبِّيَّةً فِي
قُلُوبِهِمْ إِلَّا أَنْ تَقْطَعَ قُلُوبُهُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ(110)

Maksudnya : "Dan (di antara orang-orang munafik juga ialah) orang-orang yang membina masjid dengan tujuan membahayakan (keselamatan orang-orang Islam), dan (menguatkan) keingkaran (mereka sendiri) serta memecahbelahan perpaduan orang-orang yang beriman, dan juga untuk (dijadikan tempat) intipan bagi orang yang telah memerangi Allah (صلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) dan Rasulullah (صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) Nya sebelum itu. Dan (apabila tujuan mereka yang buruk itu ketara), mereka akan bersumpah dengan berkata:" Tidaklah yang kami kehendaki (dengan mendirikan masjid ini) melainkan untuk

⁷²Ibid, hal. 170.

*kebaikan semata-mata". Padahal Allah (هُوَ أَعْلَمُ) menyaksikan, bahawa sesungguhnya mereka adalah berdusta.(107) Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (*Qubaa'* yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah (هُوَ أَعْلَمُ) Mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).(108) Maka adakah orang yang membangunkan masjid yang didirikannya di atas dasar taqwa kepada Allah (هُوَ أَعْلَمُ) dan (untuk mencari) keredaan Allah (هُوَ أَعْلَمُ) itu lebih baik, ataukah orang yang membangunkan masjid yang didirikannya di tepi jurang yang (hampir) runtuh, lalu runtuhan ia dengan yang membangunkannya ke dalam api neraka? Dan (ingatlah) Allah (هُوَ أَعْلَمُ) tidak akan memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang zalim.(109) (Keruntuhan masjid) yang dibina oleh mereka yang munafik itu sentiasa menjadi penyakit syak dan keluh-kesah (lebih daripada yang sedia ada) dalam hati mereka, (dan tidak akan habis) kecuali (apabila) hati mereka hancur-luluh (dalam tanah). Dan (ingatlah) Allah (هُوَ أَعْلَمُ) Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.(110)"*

(وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مَسْجِدًا ضَرَارًا)

Bani 'Amru bin 'Awf dari golongan *Aws* telah mendirikan masjid *Qubā'*. Mereka menjemput Rasulullah (صلی اللہ علیہ وسَلَّمَ) untuk datang merestui serta bersembahyang di situ. Kaum dari Bani Ghunm bin 'Awf dari golongan *Khazraj* telah merasa irihati lalu berpaktat untuk mendirikan sebuah masjid lain. Keadaan yang sama juga diharapkan dapat dilakukan oleh Baginda (صلی اللہ علیہ وسَلَّمَ). Lalu, mereka menjemput

Rasulullah ﷺ yang sedang sibuk membuat persediaan ke Tabuk. Mereka berkata, "Ya Rasulullah ﷺ, kami telah membina sebuah masjid yang diharap akan dapat membantu golongan yang berkeperluan, sakit, dan mereka yang tidak dapat keluar pada waktu malam di musim dingin." Walaubagaimana pun, Rasulullah ﷺ telah menangguhkan permintaan itu sehingga kembali dari Tabuk. Malangnya, sekembali dari Tabuk, Allah telah menurunkan ayat yang menyatakan bahawa masjid itu adalah masjid *Dirär*. Lalu Rasulullah ﷺ memerintahkan *Mālik bin Dukhsyūm*, *Mi'an bin 'Adi*, *'Amir bin al-Sakan* dan *Wahsyi* supaya meruntuhkannya.⁷³

20. Pendirian Para Munafik Berkenaan Surah-Surah Al-Quran

وَإِذَا مَا أُنزِلْتُ سُورَةً فَمِنْهُمْ مَنْ يَقُولُ أَيْكُمْ زَادَتْهُ هَذِهِ إِيمَانًا فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فَزَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَهُمْ يَسْتَبْشِرُونَ (124) وَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَتْهُمْ رِحْسَنًا إِلَى رِحْسِهِمْ وَمَا تَوَرَّ

⁷³ *Ibid*, hal. 175. Lihat juga Jalāl al-Dīn al-Suyūtī, (*t.t.*), *op.cit*, hal 124.

وَهُمْ كَافِرُونَ (125) أَوْلَا يَرَوْنَ أَنَّهُمْ يُفْتَنُونَ فِي كُلِّ عَامٍ مَرَّةً
أَوْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ لَا يَتَوَبُونَ وَلَا هُمْ يَذَكُّرُونَ (126) وَإِذَا مَا أُنْزِلَتْ
سُورَةً نَظَرَ بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ هَلْ يَرَأُكُمْ مِنْ أَحَدٍ ثُمَّ انْصَرَفُوا
صَرَفَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَفْقَهُونَ (127)

Maksudnya : "Dan apabila diturunkan sesuatu surah (dari Al-Quran) maka di antara mereka (yang munafik) ada yang bertanya (secara mengejek): "Siapakah di antara kamu yang imannya bertambah disebabkan oleh surah ini?" Adapun orang-orang yang beriman, maka surah itu menambahkan iman mereka, sedang mereka bergembira (dengan turunnya). (124) Adapun orang-orang yang ada penyakit (kafur) dalam hati mereka maka surah Al-Quran itu menambahkan kekotoran (kafur) kepada kekotoran (kafur) yang ada pada mereka; dan mereka mati, sedang mereka berkeadaan kafir. (125) Dan (patuikah) mereka (berdegil) tidak mahu memperhatikan, bahawa mereka dicuba (dengan berbagai-bagai bencana) pada tiap-tiap tahun, sekali atau dua kali; kemudian mereka tidak juga bertaubat, dan tidak pula mereka mahu beringat (dan insaf)? (126) Dan apabila diturunkan satu surah dari Al-Quran (mendedahkan keburukan orang-orang munafik itu) setengah mereka memandang kepada setengahnya yang lain sambil berkata: "Adakah sesiapa nampak kamu (kalau kita undur dari sini)?" Kemudian mereka berpaling pergi (dengan meninggalkan majlis Rasulullah (صلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ)); Allah (عزَّ وَجَلَّ) memalingkan hati mereka (daripada iman), disebabkan mereka kaum yang tidak (mahu) mengerti. (127)"

2.6 INTIPATI UMUM SURAH AL-TAWBAH

Surah *al-Tawbah* dimulakan dengan pengumuman Allah (سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعَالَمِينَ) dan Rasul-Nya yang membebaskan diri dari golongan munafik dan memberikan mereka peluang untuk hidup di *Makkah* dengan aman selama 4 bulan. Selepas itu, sekiranya mereka tidak memeluk Islam, mereka akan diperangi disebabkan kesalahan dan dosa mereka terhadap orang Islam.

Mereka ditegah dari memasuki *Masjid al-Harām* selama-lamanya. Kemudian, orang Islam diperintahkan memerangi *ahl al-Kitāb* sehingga mereka memeluk Islam atau membayar *Jizyah*.

Kandungan surah pada bahagian yang pertama sehingga ayat 41, tertumpu kepada galakan berjihad dan berperang dijalan Allah (سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعَالَمِينَ) dengan harta dan diri masing-masing.

Pada bahagian kedua surah ini pula, perbincangan banyak tertumpu kepada persoalan munafik, sifat-sifat serta kejahatan mereka sehingga akhir surah.

Ia diselangi dengan pendedahan tentang keinginan orang Arab untuk ponteng berjihad serta mempengaruhi puak-puak di sekeliling Madinah supaya menarik diri dari menyertai jihad.

Surah ini diakhiri dengan suatu perbandingan yang jelas yang membezakan antara munafik dan mukmin serta menetapkan hukum jihad adalah fardu kifayah.

Skop perbincangan surah ini adalah berkisar dalam dua perkara :

Pertama: Hukum-hukum jihad dalam menentang musyrikin dan *ahl al-Kitāb*.

Kedua: Pemisahan orang mukmin dari golongan munafik berdasarkan peristiwa perang *Tabūk*.

Berkenaan hukum hakam yang berkaitan dengan jihad, Al-Quran telah menjelaskannya dengan pembatalan perjanjian keamanan dengan orang musyrikin serta memansuhkan segala perjanjian yang masih berjalan antara orang Islam dan *ahl al-Kitāb*. Ini kerana golongan musyrikin dan *ahl al-Kitāb* telah melanggar perjanjian yang telah dimaterai.

Puak-puak *Yahudi* dari Bani *Nadīr*, *Qurayzah* dan *Qaynuqā'* telah bersekongkol dengan golongan musyrikin dalam memerangi orang Islam dan cuba membunuh Rasulullah (*صلوات الله عليه وآله وسالم*). Terdapat sekitar 20 ayat yang membincangkan mengenai sikap prejudis *Yahudi* terhadap orang Islam dan juga segala pakatan jahat mereka.

Peperangan *Tabūk* telah menjadi medan pemisah antara orang mukmin dan munafik. Sebahagian besar ayat-ayat dalam kelompok ini menerangkan tentang konsep muslimin yang sebenar, kewujudan penentangan, pelanggaran perjanjian, pakatan jahat munafik dan penubuhan masjid *Dirār* yang bertujuan menghancurkan Islam. Surah ini membongkar segala aspek buruk berkenaan munafik sehingga tiada apa yang mampu menutup kejahatan mereka.